

19 APR 1997

Malaysia - Everest

PENDAKI MALAYSIA SAMBUT HARI RAYA HAJI DI LERENG HIMALAYA

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Peserta Malaysia yang menyertai ekspedisi mendaki Gunung Everest menyambut Hari Raya Haji di lereng Himalaya pada ketinggian 6,492m semalam.

Kuih-muih dihantar dari Everest Base Camp ke Kem 2, tempat pasukan itu kini berada, menurut Sekretariat Projek Malaysia-Everest '97 di sini hari ini.

Krew RTM mengandungi tiga orang juga tiba di Kem 2 Khamis lalu.

Mereka dijangka tiba di kemuncak gunung itu dalam tempoh 10 hingga 15 Mei.

Para pendaki menghabiskan masa sejak beberapa hari lepas meninjau kawasan persekitaran untuk menyesuaikan diri. Kesemua peserta ekspedisi Malaysia dilaporkan dalam keadaan sihat.

Suhu di kem itu mencapai maksimum 15 darjah Selsius dan menurun kepada minimum - 18 darjah pada waktu malam.

Pendaki negara akan mendaki dua kawasan, Kem 3 (7,200 m) dan Kem 4 (7,986 m) sebelum mendaki ke kemuncak.

Sepuluh pendaki berkenaan ialah ketua ekspedisi Mej Mohd Rizan Mat Hassan, Amy Zairin Mohamed, Gary Choong, Borhan Ibrahim, N.Mohandas, Teoh Lee Lee, M.Magendran, Mohd Fauzan Hassan, Zahidi Paiman dan M.Moorthy.

Mereka ialah sebahagian daripada kumpulan 20 anggota yang berlepas ke Nepal pada 29 Feb, sehari setelah dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu upacara.

Jika berjaya, Malaysia akan menjadi negara pertama di Asia Tenggara menaiki Gunung Everest. -- BERNAMA

TCL FAZ